

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah semua Ahli Dewan Rakyat @ BBC Kerajaan telah mematuhi arahan yang dibuat oleh Kementerian untuk mengisytiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Kalau belum apakah tindakan yang akan diambil bagi mereka yang ingkar dengan arahan tersebut.

JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pada 1 Julai 2019 (Isnin), Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah meluluskan usul supaya semua Ahli Dewan Rakyat hendaklah mengisytiharkan harta mereka termasuk isteri atau suami, anak dan pemegang amanah sebelum 1 Oktober 2019 (Selasa). Selanjutnya, pada 26 November 2019 (Selasa), Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah meluluskan usul melanjutkan tarikh pengisytiharan harta tidak lewat daripada hari Khamis, 5 Disember 2019.

NO. SOALAN : 33

Sehingga 6 Julai 2020 (Selasa), seramai 42 Ahli Dewan Rakyat masih belum mengisytiharkan harta kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang gagal mengisytiharkan harta kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan alasan munasabah, boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Sekian, terima kasih.